

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : DEWAN RAKYAT

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 13 JULAI 2020

SOALAN NO. 12

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha dan pelan strategik pihak Kementerian dengan Kementerian-Kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan dalam berkolaborasi bersama dalam usaha mengenal pasti remaja atau belia yang menghadapi penyakit mental.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kesihatan mental bermaksud satu situasi di mana seseorang individu mengenali potensi diri, boleh berdaya tindak terhadap stres kehidupan sehari-hari, boleh bekerja dengan produktif dan boleh menyumbang kepada masyarakat. Penyakit mental atau gangguan mental adalah sejenis penyakit yang melibatkan gangguan pada fungsi otak dan menyebabkan gangguan-gangguan teruk dalam pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Gangguan-gangguan ini menyebabkan seseorang itu tidak akan mampu untuk menghadapi cabaran kehidupan seharian dan memerlukan rawatan.

2. Remaja dan belia kebiasaannya mengalami masalah kesihatan mental, emosi dan tingkah laku antaranya:

- (i) kemurungan (*depression*);
- (ii) keresahan (*anxiety*);
- (iii) tingkah laku berisiko; dan
- (iv) tingkah laku bunuh diri.

3. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang dilaksanakan pada tahun 2019 mendapati bahawa prevalen kemurungan dalam kalangan masyarakat Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas adalah 2.3%. Mengikut negeri, prevalen kemurungan adalah paling tinggi di WP Putrajaya (5.4%), diikuti dengan Negeri Sembilan (5.0%), Perlis (4.3%) Sabah (4.0%) dan Melaka (3.8%). Kajian yang sama juga menunjukkan seramai 424,000 orang kanak-kanak dan remaja berumur 5 -15 tahun mengalami masalah kesihatan mental.

4. Melalui Dasar Kesihatan Mental Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan usaha-usaha menangani masalah kesihatan mental. KKM telah menyediakan Pelan Strategik Kebangsaan Kesihatan Mental (2020-2025) menggunakan pendekatan kesihatan awam bagi menangani peningkatan masalah kesihatan mental dalam masyarakat Malaysia. Pelan ini yang telah mendapat input daripada pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) memfokuskan kepada strategi-strategi antaranya; meningkatkan kolaborasi bersama dan/ antara pelbagai agensi Kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan profesional, meningkatkan akses kepada kepada perkhidmatan kesihatan mental yang komprehensif dan berkualiti serta mempromosikan kesejahteraan mental kepada kumpulan sasar.

5. Beberapa kolaborasi telah dilaksanakan antara KKM dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha menangani permasalahan kesihatan mental dalam kalangan remaja dan belia seperti berikut:

NO. SOALAN : 12

- (i) Program Minda Sihat Sekolah yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula sejak tahun 2011. Sehingga kini sebanyak 2440 buah sekolah menengah telah melaksanakan Program Minda Sihat sekolah yang meliputi saringan dan intervensi menggunakan Modul Minda Sihat (KPM) dan Modul Kesihatan Mental Remaja (KKM). Pelajar yang disaring dan dikenalpasti mengalami masalah emosi atau tingkahlaku akan dirujuk untuk kaunseling. Sekiranya terdapat keperluan, pelajar akan dirujuk kepada fasiliti kesihatan berdekatan sekolah setelah mendapat persetujuan ibu bapa atau penjaga. Program Minda Sihat ini juga telah diperkembangkan di 7,780 buah sekolah rendah memfokuskan kepada aspek promosi bagi meningkatkan kesedaran dan kepentingan menjaga kesihatan mental. Kementerian Pendidikan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia juga sedang berusaha dalam membuat penambahbaikan kepada saringan minda sihat bagi mengenal pasti pelajar-pelajar yang mengalami kemurungan atau mempunyai risiko membunuh diri. Langkah-langkah bagi sesi kaunseling di sekolah juga akan dikendalikan setelah sesi sekolah bermula dalam pengurusan norma baru.
- (ii) Program PEARL (Program Expresi Anak Remaja Lestari) – kolaborasi antara KKM dengan KPM yang bertumpukan kepada meningkatkan kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan resilien dalam kalangan pelajar bagi menangani masalah seperti buli atau tingkah laku berisiko.
- (iii) KKM juga telah mengadakan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di dalam pelaksanaan Program Siswa Sihat (PROSIS) di universiti-universiti awam dan swasta yang turut mempunyai elemen saringan dan intervensi kesihatan mental. Kerjasama dengan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) juga turut dijalankan melalui latihan kepada 'leaders' bagi meningkatkan kemahiran resilien, kemahiran menangani emosi

dan pengesanan awal masalah kesihatan mental dalam kalangan orang muda di institusi pengajian tinggi.

- (iv) KKM turut bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam mempromosikan kesihatan mental melalui Hari Sukan Negara dan Hari Kesihatan Mental Sedunia.
- (v) Kolaborasi lain adalah bersama dengan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam melaksanakan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial dan Program Kafe@Teen (oleh KPWKM). Di setiap daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menempatkan kaunselor untuk memberi perkhidmatan kepada komuniti dan KKM bertindak membantu memberi konsultasi apabila kes dirujuk oleh kaunselor JKM. Kerjasama KKM dan KPWKM ini memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan mental yang holistik.
- (vi) KKM juga melaksanakan Kempen *Let's TALK* Minda Sihat yang merupakan satu 'smart partnership' melibatkan agensi kerajaan serta pihak NGO dalam mempromosikan dan mendapatkan bantuan berkaitan masalah kesihatan mental. *Let's TALK* Minda Sihat juga akan dijadikan sebagai salah satu Program Utama bagi Teras 1: Memperkasa Amalan Cara Hidup Sihat menerusi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). ANMS ini akan dilaksanakan pada tahun 2020 hingga 2030 secara berfasa.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian,

6. Bagi menangani peningkatan permasalahan mental, KKM akan terus memperkukuhkan kerjasama dengan agensi-agensi tersebut melalui pelbagai strategi seperti:

- (i) advokasi kesihatan mental dan pemerksaan remaja dan belia;
- (ii) pengesanan awal melalui saringan kesihatan mental;
- (iii) meningkatkan akses kepada talian tele-sokongan psikososial;

NO. SOALAN : 12

- (iv) meningkatkan liputan rawatan masalah kesihatan mental;
- (v) perkongsian sumber manusia antara agensi; dan
- (vi) latihan kepada kumpulan sasaran seperti guru-guru, kaunselor sekolah dan kaunselor agensi.

7. Tanggungjawab menangani permasalahan mental dalam kalangan remaja dan belia perlulah digalas secara bersama dengan semua pihak berkepentingan (iaitu agensi-agensi Kerajaan lain dan NGO). Ini adalah kerana permasalahan mental dalam kalangan remaja dan belia turut disumbang oleh faktor-faktor psikososial seperti kesempitan hidup, masalah keluarga, tiada pekerjaan/ hilang pekerjaan, masalah kewangan, penyalahgunaan substans dan lain-lain. Kesihatan mental tanggungjawab bersama.

Sekian, terima kasih.